

Pesan Sri Paus Fransiskus sempena Hari Migran dan Pelarian ke-110



Berjalan bersama para migran

Pelarian Rohingya tiba di Bangladesh bagi menyelamatkan diri dari penganiayaan dan konflik di Myanmar. Gambar: ucanews.com.

KOTA VATICAN: “Pertemuan dengan para migran dan saudara-saudari kita yang memerlukan, merupakan perjumpaan dengan Kristus,” demikian petikan Sri Paus Fransiskus sempena Hari Migran dan Pelarian Sedunia ke-110.

Hari Migran dan Pelarian Sedunia ditetapkan para tahun 1914 oleh Sri Paus Pius X dan dirayakan setiap tahun pada Hari Minggu terakhir September. Pada tahun ini, Hari Migran dan Pelarian disambut pada September 29, dengan tema “Tuhan berjalan bersama umat-Nya”

Merangkul Sinodal

Selepas Fasa pertama Sinode Para Uskup Sedunia ke-16 Oktober tahun lalu, Sri Paus Fransiskus menyatakan bahawa Gereja menemui semula sifat “mengembara” nya iaitu Umat Tuhan yang mengembara melalui sejarah dalam ziarah ke arah Kerajaan Syurga (*Lumen Gentium*, 49).

Kitab Keluaran menceritakan orang Israel dalam perjalanan mereka ke tanah yang dijanjikan yang menggambarkan perjalanan panjang dari perhambaan kepada kebebasan dan perjalanan Gereja menuju pertemuan terakhirnya dengan Tuhan.

Begitu juga pada masa sekarang, kita

diajak untuk melihat perjalanan para migran dan pelarian sebagai gambaran sebenar perjalanan umat Tuhan ke tanah air kita yang kekal, yang mengingatkan kita bahawa “kewarganegaraan kita adalah di syurga, dan dari situlah kita mengharapkan Juruselamat, Tuhan Yesus Kristus” (Flp 3:20).

Dengan semangat sinodaliti, kita dipanggil untuk berjalan bersama saudara dan saudari pendatang kita dengan mengalu-alukan, melindungi, mempromosi dan mengintegrasikan mereka ke dalam komuniti kita.

Pertemuan dengan orang asing adalah pertemuan dengan Tuhan

Melalui Kitab Keluaran (*Exodus*), ia menyatakan realiti yang sangat jelas iaitu dalam setiap pengembaraan, perjalanan, migrasi, *exodus* ... Tuhan mendahului, menyertai umat-Nya dan semua anak-anak-Nya pada setiap masa dan tempat.

Ramai migran yang semasa dalam pengembaraan mereka ke tanah asing, mengalami Tuhan, membawa Alkitab, buku doa dan rosari sebagai penenam mereka ketika melintasi gurun, sungai, lautan, dan sempadan setiap benua!

Oleh sebab itu, pertemuan migran juga adalah pertemuan dengan Kristus seperti yang ditegaskan-Nya dalam Mat 25:35, “Ketika Aku orang asing, kamu menyambut Aku.”

Melihat Yesus pada orang asing

Tuhan bukan sahaja berjalan dengan umat-Nya, tetapi juga dalam diri mereka, dalam erti kata bahawa Dia mengidentifikasikan diri-Nya dengan lelaki dan wanita dalam perjalanan mereka melalui sejarah, khususnya dengan yang paling kecil, yang miskin dan yang terpinggir. Dalam hal ini kita melihat lanjutan Misteri Inkarnasi.

Melalui diri migran, Yesuslah yang mengetuk pintu kita, lapar, dahaga, orang asing, telanjang, sakit dan terpenjara, meminta untuk ditemui dan ditolong (*Homili, Sacrofono, Feb 15, 2019*).

Setiap pertemuan dengan migran, kaum miskin dan terabai ... mewakili peluang untuk bertemu Tuhan; ia adalah satu peluang keselamatan kerana Yesus hadir dalam diri saudara perempuan atau saudara lelaki yang memerlukan bantuan kita.

Dalam pengertian ini, orang miskin dapat menyelamatkan kita, kerana melalui mereka, kita dapat menghadapi wajah Tuhan.

Pada penghujung pesannya, Sri Paus menulis, “Pada hari yang didedikasikan untuk migran dan pelarian ini, marilah kita bersatu dalam doa untuk semua orang yang terpaksa meninggalkan tanah air mereka untuk mencari keadaan hidup yang bermaruah.”

“Semoga kita mengembara bersama mereka, menjadi sinodal bersama, dan mempercayakan mereka kepada Perawan Maria yang Terberkati.” **Media Vatikan**

DOA UNTUK MIGRAN

Bapa yang maha kuasa
Kami tiba sebagai
orang asing
ke tanah yang kami panggil
rumah kami.

Namun kewarganegaraan kami
yang sebenar adalah di syurga
Sebagai sesama manusia dalam
perjalanan, janganlah kami
terikat dengan rumah
sementara ini tetapi bantu kami
untuk terus berjalan
bersama-sama dengan saudara
saudari kami yang berhijrah
menuju ke kediaman kekal
yang telah Engkau sediakan
bagi kami.

Terangi hati dan fikiran kami
agar setiap pertemuan
dengan saudara-saudari kami
yang bermigrasi menjadi
pertemuan dengan
putera-Mu Yesus.
Amin.

Apa untungnya kaya jika selalu tergesa-gesa?

Beberapa tahun yang lalu, bersama seorang paderi, kami melakukan perjalanan untuk melawat rakan kami.

Rakan kami, seorang ahli perniagaan yang berjaya, tinggal di tingkat atas sebuah apartmen yang sangat mahal yang menghadap lembah sungai di bandar Edmonton.

Pada suatu ketika dalam lawatan itu, rakan kami membawa kami keluar ke balkoni untuk menunjukkan pemandangan kepada kami. Ia adalah menakjubkan. Dari balkoni itu, kami melihat lembah sungai yang luas dan sebahagian besar bandar.

Saya dan rakan paderi saya begitu kagum dengan pemandangan itu dan memberitahu kepadanya akan perasaan kagum kami.

Berterima kasih atas pujian itu, dia berkongsi bahawa, sayangnya, dia jarang keluar ke balkoni untuk minum dan menikmati pemandangan.

Berikut adalah kata-katanya: “Sebenarnya, saya harus memberikan tempat ini kepada beberapa keluarga miskin yang boleh menikmatinya. Saya boleh tinggal di pangsapuri bawah tanah kerana saya tidak mempunyai masa untuk menikmati ini. Saya tidak ingat bila kali terakhir saya keluar ke sini untuk melihat matahari terbenam atau matahari terbit. Saya sentiasa terlalu sibuk, sentiasa tertekan, selalu tergesa-gesa.”

“Tempat ini sia-sia pada saya. Satu-satunya masa saya keluar ke balkoni ini ialah apabila saya mempunyai pelawat dan ingin menunjukkan kepada mereka pemandangan.”

Yesus pernah berkata sesuatu yang mungkin dapat dijelaskan seperti berikut: Apakah untungnya jika anda memperoleh seluruh dunia tetapi selalu sibuk dan terlalu tertekan untuk menikmatinya?

Ketika Yesus bercakap tentang memperoleh seluruh dunia dan menderita kehilangan jiwa anda sendiri, pertama, Dia bukan merujuk kepada kehidupan moral yang buruk atau mati dalam dosa lalu pergi ke neraka.



Fr Ron Rolheiser, “Apabila kita kaya, sibuk, tertekan, dan sibuk, sukar untuk menikmati kopi yang kita bancuh sendiri!”

Ada peringatan yang lebih radikal dalam mesejnya.

Kita boleh kehilangan jiwa kita dengan cara lain, walaupun kita adalah orang yang baik, berdedikasi, bermoral.

Lelaki yang saya ceritakan tadi, memang seorang yang sangat baik, berdedikasi, bermoral, dan baik hati.

Tetapi dia sendiri mengakui dengan rendah hati, sedang berjuang untuk menjadi orang yang berjiwa, untuk menjadi orang kaya yang sebenar kerana dia sedar, dia sentiasa hidup dalam tekanan, kesibukan yang tidak pernah berakhir dan terus-menerus terpaksa untuk tergesa-gesa.

Tidak mudah baginya untuk bangun pada waktu pagi dan berkata, “Inilah hari yang dijadikan Tuhan, marilah kita bersukacita dan bersukacita terhadap-Nya.” Sebaliknya, Kita lebih cenderung untuk berkata: “Tuhan, lindungilah saya hari ini!”

Selain itu, Yesus juga ada memberitahu kita bahawa sukar bagi orang kaya untuk memasuki Kerajaan Syurga. Yesus tidak hanya merujuk kepada kekayaan material, wang, dan kemewahan, Dia tidak

mengatakan kitatidak boleh kaya tetapi perlu sikap berhati-hati.

Masalahnya apabila menjadi kaya, pekerjaan atau keghairahan akan memakan kita sehingga kita jarang meluangkan masa (atau bahkan berfikir untuk meluangkan masa) untuk menikmati keindahan matahari terbenam atau menjaga kesihatan mahupun menikmati keistimewaan kita sebagai orang kaya.

Ini testimoni saya dan ini adalah salah satu perjuangan saya. Sepanjang tahun saya dalam pelayanan, saya sentiasa diberkati dengan agenda yang kaya, kerja-kerja yang penting, kerja yang saya sukai.

Tetapi, jujurnya, saya perlu mengakui bahawa selama bertahun-tahun saya terlalu tergesa-gesa dan terlalu tertekan untuk menyaksikan matahari terbenam (melainkan, seperti rakan saya, saya dapat melihatnya ketika saya menunjukkan keindahan kepada pelawat).

Saya telah cuba untuk melepaskan diri daripada kesibukan ini dengan meluangkan masa untuk sendirian dan hening, berjalan kaki, retret dan cuti selama beberapa minggu setiap tahun.

Ini memang membantu tetapi tetapi saya masih terlalu ketai bekerja, tertekan dan tergesa-gesa hampir sepanjang masa, merindukan ruang untuk tenang, untuk berdoa, untuk melihat matahari terbenam, untuk mendaki, untuk minum segelas wain atau scotch, untuk menghisap cerut dengan tenang.

Dan saya menyedari ironi di sini: Saya tergesa-gesa sehingga letih demi menjejaz sedikit masa untuk berehat!

Saya bukanlah Thomas Merton, tetapi terhibur dengan caranya. Thomas seorang biarawan di sebuah biara, sering terlalu sibuk dan tertekan untuk mencari masa bersendirian.

Untuk mencari itu, dia menghabiskan beberapa tahun terakhir hidupnya di pertapaan, jauh dari biara utama kecuali merayakan Ekaristi dan Pejabat Gereja setiap hari.

Kemudian, apabila dia mendapat waktu untuk bersendirian, dia terkejut kerana mendapati betapa berbezanya daripada cara yang dia bayangkan. Beginilah kata-kata Thomas Merton dalam diarinya:

Hari ini saya ada waktu untuk bersendirian. Bagi saya, cukuplah untuk berada biasa-biasa sahaja, berasa lapar dan tidur, merasa kesejukan dan kehangatan, bangun dan tidur. Memakai selimut dan menanggalkannya, membancuh kopi dan kemudian meminumnya. Menyahbeku peti ais, membaca, bermeditasi, bekerja, berdoa. Saya hidup sebagaimana nenek moyang saya hidup di muka bumi ini, sehingga akhirnya saya mati. Amin. Tidak perlu membuat penegasan tentang hidup saya, lebih-lebih lagi tentang kehidupan saya ... Saya mesti belajar untuk hidup sehingga melupakan program dan artifisial.”

Dan untuk melihat matahari terbenam dari balkoni saya!

Apabila kita kaya, sibuk, tertekan, dan sibuk, sukar untuk menikmati kopi yang kita bancuh sendiri! *Hakcipta Terpelihara @ Fr Ron Rolheiser*

Status dan kerasulan

Dalam Injil Markus Bab 9 iaitu dalam ayat 14-29 diceritakan bahawa murid-murid Yesus tidak berhasil mengusir roh jahat dari seorang kanak-kanak.

Kemudian, dalam Injil yang sama hari ini (ay. 38-40) ia menceritakan tentang seseorang yang bukan murid Yesus, tetapi berhasil mengusir syaitan. Maka murid-murid Yesus mahu melarang dia, tetapi Yesus tidak membenarkan para murid-Nya untuk melarang orang itu!

Yesus menegaskan: “Sesiapa tidak melawan kita, dia ada di pihak kita”(ay.40). Timbul pertanyaan: Mengapa murid-murid Yesus gagal mengusir syaitan? Bagaimana menjadi murid Yesus yang sejati?

Ketika mereka bertanya: “Mengapa kami tidak dapat mengusir roh itu?”, Yesus menjawab: “Jenis ini tidak dapat diusir kecuali dengan doa” (ay.28-29). Ternyata pendirian dan sikap yang dimiliki murid-murid dalam melakukan perbuatan mereka tidak seperti yang diajar oleh Yesus, Guru mereka! Keberhasilan orang yang bukan murid Yesus dalam mengusir roh jahat, dilihat dan dirasakan oleh murid-murid Yesus sebagai bahaya atau ancaman terhadap “status rasmi

mereka sebagai murid Yesus”.

Status kedudukan, pangkat, jabatan atau apa pun bentuknya, bukanlah jaminan atau tanda kesungguhan kerasulan. Sikap murni, jujur, tidak mementingkan diri sendiri dalam melaksanakan tugas, itulah yang ingin disampaikan Yesus kepada murid-murid-Nya.

Dalam Yesus, jangan mengejar status mahupun kedudukan! Setiap orang, sesia-pa pun, sama ada rasmi sebagai murid Yesus, mahupun tidak mengenal Yesus, mereka harus bersikap dan berbuat seperti dilakukan oleh Yesus dan berpihak kepada-Nya.

“Sesiapa tidak melawan kita, dia ada di pihak kita”, tegas-Nya! Memiliki status apa pun, harus dilengkapi dengan sikap kasih dan kelembutan hati.

Yesus tidak marah dan tidak menghalang apabila ada orang yang bukan murid-Nya tetapi mengusir syaitan atas nama-Nya. “Sesungguhnya, sesiapa memberi kamu minum secangkir air oleh kerana kamu adalah Pengikut Kristus, dia tidak akan kehilangan ganjarannya” (ay.41).

Ternyata untuk berpihak atau mengikuti Yesus, kita harus merenung serta

memeriksa diri sendiri, apakah kita benar-benar mengikuti Dia atau sebaliknya? Dalam Injil ternyata Yesus mengajak murid-murid-Nya menyadari akan gaya hidup, pelayanan atau tugas mereka. Yesus menegaskan agar kita, para murid –Nya tidak menjadi batu halangan bagi sesama, khususnya bagi kanak-kanak.

Yesus ingin mengajak setiap orang untuk membebaskan diri dari kasih ego-sentrik iaitu sikap yang amat mengasihi diri sendiri sehingga kasih Tuhan dan sesama tidak dipedulikan.

Sifat manusia egosentrik inilah yang diibaratkan sebagai tangan, kaki dan matanya, yang harus dipenggal dan dicungkil, untuk menyelamatkan tubuh kita dari dicemari dosa. Namun, Yesus bukan mengajak kita membuat mutilasi sebaliknya secara simbolik, memotong atau menjauhkan kita dari egoisme.

Kita sebagai orang yang secara rasmi beragama Katolik, orang yang telah dibaptis dalam Kristus, harus berani untuk selalu memeriksa diri.

Agama kita adalah agama yang benar dan baik. Namun, memeluk agama yang benar tidak semestinya kita adalah orang Kristian yang sejati. Misalnya, murid-

**HARI MINGGU
BIASA KE-26
TAHUN B
BILANGAN 11: 25-29
YAKOBUS 5: 1-6
MARKUS 9: 38-43, 45, 47-48**

murid Yesus menganggap diri mereka mampu berbuat segalanya kerana mereka berasa memiliki status rasmi sebagai “murid Yesus”, tetapi ternyata mereka tidak mampu mengusir roh jahat malah iri hati bahawa ada orang lain yang bukan murid Yesus, namun berhasil mengusir roh jahat.

Mari kita renungkan: Apakah kerendahan hati kita bertentangan dengan keluhuran Kristiani.

Dengan hidup secara adil, jujur dan benar, adakah kita melakukan pekerjaan dengan baik sebagai seorang pemimpin yang rendah hati?

Yesus bersabda: “Belajarlah pada-Ku, kerana Aku lemah lembut dan rendah hati dan jiwamu akan mendapat ketenangan”. Oleh itu, mari kita membukakan hati kita untuk dibimbing dan belajar tentang kerendahan hati dengan meneladani Yesus!
Msgr. F.X. Hadisumarta O.Carm.

Kerasulan wanita berjalan bersama dalam sukacita Injil

Javy James

TELUPID: Lebih 300 wanita Katolik menghadiri Perhimpunan Agung Kerasulan Wanita Katolik (KWK) Keuskupan Sandakan kali ke-12 yang diadakan di paroki St Martin, Telupid.

Dengan tema “Keluarga Berjalan Bersama dalam Sukacita Kasih”, para peserta datang dari paroki Katedral St Mary Sandakan, St Dominic Lahad Datu, Holy Trinity Tawau, *Our Lady of Fatima* Beluran, St Martin Telupid dan Mission Paitan.

Acara besar ini dimulakan dengan perayaan Ekaristi di Gereja St Martin yang dipimpin oleh paderi paroki Telupid, Fr Christopher Ireneus.

Kemudian, KWK mengikuti semua acara di Institut Perhutanan Sabah (IPS) Telupid.

Fr Christopher sebagai salah seorang pembicara telah menyampaikan tiga sesi penting iaitu dokumen Sri Paus Fransiskus

“*Amoris Laetitia*” (Sukacita Kasih), Gereja Sinodal, serta Visi dan Misi Keuskupan Sandakan.

Pada sebelah petang, Majlis Makan Malam sempena sambutan ulang tahun penubuhan KWK ke-16 diadakan di Dewan IPS, Telupid, turut dihadiri oleh Uskup Julius Dusin Gitom.

Antara pengisian majlis ialah sesi ucapan daripada Pn Kharen Simah Matusip (Penyelaras KWK paroki Telupid), Pn Cecelia Polo D’Souza (Penyelaras KWK Keuskupan Sandakan) serta ucapan perasmian oleh Ketua Keuskupan Sandakan, Uskup Julius.

Perasmian ditandai dengan paluan gong sebanyak tujuh kali dan acara memotong kek sebagai tanda kesyukuran.

Majlis juga dimeriahkan dengan penyampaian Anugerah ‘Jasamu Dikenang’ kepada 16 orang wanita Katolik yang telah memberikan sumbangan besar



Uskup Julius Dusin Gitom merasmikan Perhimpunan Agung KWK Keuskupan Sandakan dengan paluan gong tujuh kali.

dalam pelayanan KWK dan anugerah “Ibu Sukacita” yang dimenangi oleh Pn Victoria Salati.

Perhimpunan Agung dan majlis makan malam KWK bukan sahaja menjadi

platform untuk meraikan perjalanan KWK di Keuskupan Sandakan tetapi juga mencerminkan kekuatan dan dedikasi wanita Katolik dalam menghidupkan kasih dalam keluarga dan masyarakat.

Memperkasa kanak-kanak Orang Asli menjadi misionari

BIDOR: Seramai 55 Orang Asli yang kebanyakannya kanak-kanak, hadir di Gereja Bonda Maria Kg Chang yang terletak kira-kira lima kilometer dari pekan Bidor untuk sesi doa, baru-baru ini.

Program ini dianjurkan oleh Chapel St Joseph dengan kerjasama sekumpulan Katolik dari Kuala Lumpur.

Acara dimulakan dengan sesi doa dalam bahasa Malaysia yang diketuai oleh pemimpin awam Katolik Orang Asli.

Selepas itu, kumpulan dari Kuala Lumpur menyampaikan renungan tentang Markus 16:15, di mana Yesus memberi perutusan kepada para murid-Nya untuk “pergi ke seluruh dunia dan memberitakan Injil kepada seluruh ciptaan.” Pesan itu memberi inspirasi kepada Orang Asli yang hadir untuk melaksanakan peranan mereka



sebagai misionari, menggalakkan mereka untuk menjalani iman Kristian mereka setiap hari, tekun berdoa dan berkongsi ajaran Yesus dengan keluarga dan jiran mereka.

Para peserta juga terlibat dalam pelbagai permainan *indoor* yang menyeronokkan.

Orang Asli, termasuk pelawat, bermain permainan “tiup belon” dan “menghantar bola”, manakala kanak-kanak menyertai

pertandingan melukis.

Selain permainan dan aktiviti, 20 keluarga Orang Asli telah menerima paket cenderahati yang mengandungi tuala mandi, bantal, biskut, makanan ringan, susu, alat-alat kebersihan diri dan sebagainya.

Alice Jabaimalar, seorang pemimpin awam dari Chapel Bidor berharap pelawat dari Kuala Lumpur, mendapat pengalaman menarik dengan Orang Asli.

Beliau menekankan kepentingan untuk mendekati golongan terpinggir dan menyeru umat Katolik untuk menghulurkan sokongan dan kasih sayang mereka kepada mereka yang memerlukan. Pelawat dari Kuala Lumpur juga sempat melawat lima buah rumah usang bukan Katolik di kampung tersebut dan menyerahkan cenderahati kepada penghuni rumah usang tersebut.

?



Tanya Jawab

Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja? Hantarkan soalan anda ke:

HERALD
5, Jalan Robertson,
50150 Kuala Lumpur
Tel: 03-2026 8291
E-Mel:
liza@herald.com.my

Bagaimana melindungi anak-anak dari berita palsu?

Soalan: Akhir-akhir ini banyak terjadi kes intoleransi. Di tengah-tengah tsunami maklumat seperti ini, bagaimana saya melindungi anak-anak saya dari pengaruh berita tidak benar? Anak-anak saya masih kecil dan saya tidak mahu mereka memiliki pandangan negatif terhadap agama lain. Semoga ruangan ini dapat membantu. Diana

Jawaban: Saya memahami kekhawatiran Puan. Saya setuju dengan Puan bahawa kita perlu melindungi anak-anak kita daripada maklumat mengelirukan dan maklumat tidak tetap sehingga mempengaruhi pemahaman mereka tentang kepelbagaian agama dan bersikap “ganas” terhadap agama lain.

Penting untuk melindungi anggota keluarga kita dari berita-berita palsu ialah melalui komunikasi (dialog).

Tujuan dialog ini ialah agar anak dapat melihat suatu isu atau persoalan secara seimbang dan adil iaitu penerangan yang tidak berat sebelah, menghina atau menyalahkan kumpulan-kumpulan tertentu.

Anak-anak perlu dididik untuk mencari tahu kebenaran berita tersebut, seperti sumber (siapa) yang menulis atau menyampaikan berita (adakah sumber cerita itu boleh dipercayai?), isi berita (apakah kandungan berita menunjukkan data yang tepat dan logik).

Apakah berita tersebut bersifat memprovokasi kebencian atau permusuhan, dan kesan emosional atas berita tersebut kepada dirinya, apakah mengubah sikap permusuhan sikap pengertian, atau persahabatan dengan kumpulan lain.

Dalam dialog ini, orang tua dapat membimbing anak-anak untuk dapat mencapai tujuan tersebut.

Jika anak terlatih untuk berfikir kritis, dia dapat menjadi individu yang tidak mudah menghakimi orang lain dan tidak cepat ‘gelabah’ dalam memandang masalah.

Dalam dialog tersebut ibu bapa dapat melakukan beberapa hal. Pertama, ibu bapa mendengar pendapat anak dengan saksama, memahami mereka mengapa mereka bersikap sedemikian, agar anak berasa diperhatikan, dihargai dan dimengerti. Elakkan sikap memaksa agar anak-anak tidak berasa dikongkong yang memacu kepada perlakuan “memberontak”

Tindakan ini merupakan pintu masuk untuk mendapat perhatian anak sehingga dia bersedia untuk mendengar arahan ibu bapa.

Kedua, orang tua memberi tindak balas dalam menangani sikap atau tingkah laku anak. Biasanya anak-anak akan memilih untuk hidup rukun dan toleransi apabila ibu bapa memberi pujian serta menghargai usaha mereka.

Ketiga, ibu bapa membimbing anak untuk bersikap hati-hati dan kritis dalam memandang suatu

berita. Usia remaja memungkinkan seseorang berfikir abstrak dan logik dengan menggunakan nilai-nilai atau prinsip-prinsip yang dipercayainya dalam memahami dan bersikap terhadap suatu hal (informasi).

Namun, pendapat dalam lingkungan usia ini belum matang kerana pertimbangan emosional pun masih banyak mendominasi dibandingkan pertimbangan rasional. Di sini orang tua perlu mengajarkan anak untuk bersikap lebih objektif.

Keempat, ibu bapa membimbing anak untuk memahami konteks atau situasi atau latar belakang pelaku intoleransi yang disebut dalam sesebuah berita.

Misalnya ibu bapa mengajak anak-anak untuk melakukan sedikit ‘siasatan’ misalnya mempersoalkan motif pelaku intoleransi tersebut. Apakah tindakan pelaku itu murni? Atau kerana motif mahukan kuasa atau motif lain? Di sini anak akan dapat belajar bahawa ada isu intoleransi tersebut merupakan tindakan individual atau kumpulan tertentu sahaja.

Sama seperti iblis yang memanipulasi manusia di Taman Eden, sehingga manusia jatuh ke dalam dosa. Mari kita bersama-sama mengajak anggota keluarga untuk bersikap kritis terhadap pemberitaan-pemberitaan di media sosial. **Dr Angela Oktavia Suryani, M.Si, hidupkatolik.com**

Sahabat kecil Yesus

Oktober 2, Hari Para Malaikat Pelindung
 Cari LIMA perbezaan pada gambar di bawah



Hello adik-adik,

Yesus sebenarnya ingin menegur para murid-Nya kerana mereka tinggal, makan dan berjalan bersama-Nya sentiasa tetapi masih memikirkan status dan kedudukan.

Adik-adik, dalam hal mengikut Yesus, kita harus sentiasa merendahkan hati, bukan berebut status, kedudukan atau menjadi popular.

Teladanilah Yesus yang sentiasa mengutamakan orang-orang yang memerlukan, mendekati mereka yang miskin dan malah sanggup tunduk atau membongkok mencuci kaki para murid-Nya!


Sehingga kita bertemu lagi di ruangan akan datang!

*Salam Sayang
Antie Melly*

DOA KEPADA MALAIKAT PELINDUNG
 (doa oleh St Padre Pio)
 Malaikat Tuhan, Malaikat Pelindungku, kepada siapa kebaikan Bapa Surgawi mempercayakanku. Terangilah, lindungilah dan bimbinglah aku sekarang dan selamanya. Amin.

Warnakan gambar ini.

Salib Yesus sentiasa mengingatkan kita bahawa Dia sanggup mati demi menebus dosa-dosa kita.



Apakah erti salib bagi saya: _____

Adik-adik boleh menghantar jawapan adik-adik kepada Antie Melly di alamat e-mel berikut: liza@herald.com.my

Setiap nombor mewakili huruf tertentu. Bongkar kod-kod rahsia pada gambar ini untuk membaca pesan Yesus!

E=13 R=16 L=0 H=3 N=17
 A=2 K=4 S=7 P=15 Y=16 I=8 G=23
 B=10 J=9 M=1 U=6 D=5 T=11

4216 252023
 72321021146 3842026
 4216 101316106211 2152
 1621718 46 15131481711234217
 4131525216

(YOH 15:14)

BELIA



Benih iman belia bertumbuh melalui pelayan misi

MASAI, Johor: Pelajar Penguatan bersama pasukan Caritas-POHD Gereja St Theresa Masai telah menjalankan pelbagai aktiviti misi sebagai persiapan mereka untuk menerima Sakramen Krisma.

Dengan kerjasama pasukan Kateketikal dan Pejabat Paroki untuk Pembangunan Insan Caritas (POHD, sepanjang bulan Mei dan Jun lalu, para pelajar menjalankan beberapa aktiviti misi seperti berikut:

Memberi makanan kepada para gelandangan - Mei 29

Aktiviti ini membawa calon Penguatan "berhubung" dengan mereka yang kurang bernasib baik, menawarkan mereka ma-

kanan dan telinga untuk mendengar.

Para pelajar juga disedarkan bahawa dengan tindakan kecil, mereka boleh membawa kegembiraan dan penghiburan Kristus kepada orang yang memerlukan.

Melawat Rakan Yang Memerlukan (FINS) - Jun 15

Para pelajar melawat FINS, sebuah organisasi yang menyokong mereka yang mengalami cabaran getir.

Para pelajar dapat berinteraksi dengan kumpulan FINS, belajar bagaimana memberi sokongan moral dan material serta mengukuhkan pemahaman mereka tentang empati dan perpaduan.

Lawatan ke perkampungan Orang Asli - Jun 28

Di sini, para pelajar Penguatan membimbing kanak-kanak Orang Asli tentang penjagaan kebersihan, kepentingan pendidikan dan bermain permainan bersama mereka. Kegembiraan dalam kalangan kanak-kanak dan keluarga Orang Asli memberikan pengalaman berharga bagi para pelajar.

Para pelajar Kelas Penguatan 2024 mencapai tahun pertumbuhan yang transformatif dan pelayan belas kasihan yang aktif. Mereka mengucapkan terima kasih dan syukur kepada para pembimbing kelas Penguatan dan semua yang terlibat. **Cutereena Jerry & Brezendra Jerry**

VATIKAN: "Orang yang berharap kepada Tuhan akan berlari dan tidak lesu", kata-kata nabi Yesaya ini telah dipilih oleh Sri Paus Fransiskus sebagai tema untuk Hari Belia Sedunia ke-39

Dalam perutusannya, Sri Paus Fransiskus menggalakkan golongan muda untuk melihat kehidupan sebagai ziarah dan terus mencari kebahagiaan meskipun memenatkan.

Orang yang berharap kepada Tuhan tidak akan jemu

Menyedari beberapa kesukaran yang dihadapi oleh golongan muda, Sri Paus Fransiskus terus menggalakkan mereka untuk bertahan.

Prelatus itu menekankan bahawa harapan bukan perasaan pasif tetapi kuasa aktif, yang membolehkan kita "memacu ke hadapan, kerana ia adalah anugerah daripada Tuhan sendiri."

Bapa Suci memahami bahawa perjuan-



Orang yang berharap kepada Tuhan tidak akan lesu

gan boleh meletihkan tetapi keletihan ini adalah perkara biasa dan penyelesaiannya bukan berehat sebaliknya "menjadi penziarah harapan."

Bapa Suci mengajak golongan muda untuk menerima kehidupan sepenuhnya dan menggelakkan kehidupan pasif iaitu "kehidupan tanpa keinginan untuk bergerak."

Sri Paus juga memberi peringatan bahawa sikap tidak peduli boleh "melumpuhkan" seseorang belia.

"Lebih baik letih kerana bergerak ke hadapan, bukan 'letih' atau jemu kerana tidak berbuat apa-apa," ujar Sri Paus Fransiskus.

Ekaristi — jalan ke Surga

Sri Paus Fransiskus membandingkan perjalanan orang muda sekarang dengan kisah perjalanan Israel melalui padang pasir dalam Alkitab.

Tegasnya, meskipun orang Israel merentasi padang pasir dengan kemarahan, merungut dan putus asa, Tuhan tidak meninggalkan mereka.

Tuhan adalah Bapa yang Pengasih, Dia memelihara orang-orang Israel yang selalu tidak berpuas hati itu dengan menyediakan manna kepada mereka di padang gurun.

Oleh sebab itu, Sri Paus menggesa golongan muda untuk menghayati dan

mencintai sakramen Ekaristi serta mengingatkan mereka bahawa "Ekaristi ialah jalan ke syurga."

Jemputan ke Roma sempena Tahun Jubli 2025

Menjelang Tahun Jubli 2025, Sri Paus Fransiskus menyatakan harapannya bahawa Tahun Jubli 2025 akan menjadi peluang kepada golongan muda untuk memperkukuh hubungan mereka dengan Tuhan dan mengalami belas kasihan dan kasih-Nya.

Uskup Roma itu menyampaikan jemputan kepada semua untuk datang ke Roma sempena Tahun Jubli 2025, "Bukan menjadi pelancong sebaliknya sebagai penziarah sejati," mengingatkan mereka bahawa perjalanan menuju Jubli bukan sahaja bersifat fizikal tetapi juga rohani.

Media Vatikan



Ulang tahun ke-800 Sto Fransiskus terima stigmata

TUSCANY, Itali: Pada September 17, Fr Massimo Fusarelli, Pemimpin Umum *Friars Minor Franciscan* dan pengganti ke-121 Sto Fransiskus dari Assisi, memberkati dunia dengan reliq darah dari stigmata Sto Fransiskus dari Lembah Casentino Tuscany.

Ia merupakan hari ulang tahun ke-800 Sto Fransiskus dari Assisi, santo pertama yang menerima stigmata, serta pencipta *Canticle of the Creature* yang menceritakan keindahan alam ciptaan Tuhan.

Perayaan ulang tahun ke-800 Sto Fransiskus itu diadakan di Hutan Casentino, La Verna di mana santo itu menerima stigmata berupa luka-luka Yesus ketika disalibkan dan stigmata itu berlaku ketika Sto

Fransiskus sedang berdoa atau kontemplasi.

Bro Matteo Brena, Setiausaha Perayaan Ulang Tahun ke-800, menekankan kepentingan rohani kawasan tersebut bahawa “La Verna ialah kawasan semulajadi, tidak diubah dan disentuh sejak zaman Sto Fransiskus, sebuah lembah yang hening di mana Sto Fransiskus datang ke tempat ini untuk merenungkan misteri salib.”

Bro Matteo menjelaskan bahawa ciri-ciri semulajadi gunung itu, seperti tebingnya yang terlonjong dan berbelah, dipercayai telah terbentuk pada saat kematian Kristus, yang melambangkan bumi turut menyertai kesengsaraan semasa Yesus disalibkan.



Fr Massimo Fusarelli, pengganti Sto Fransiskus dari Assisi ke-121 memberkati dunia dengan reliq dan darah stigmata Sto Fransiskus.

Sto Fransiskus sangat tersentuh hubungan antara alam dan penderitaan Kristus, menghabiskan masa yang lama untuk berdoa

Lembah Verna dan menerima stigmata.

Perayaan memperingati stigmata pertama Sto Fransiskus dirayakan

dengan pelbagai acara rohani, termasuk vigili, pelayanan doa dan pelbagai aktiviti pastoral.

Pada malam sebelum perayaan terakhir, para penziarah berjalan kaki selama dua jam mendaki gunung dalam doa, nyanyian, dan renungan. Kemuncak perayaan ialah pada September 17, dengan perarakan dari Basilika ke Kapel Stigmata.

Seperti tradisi, penziarah berjalan mengikuti jalan yang dilalui oleh Sto Fransiskus ke Lembah Verna, di mana santo itu menerima luka Kristus.

Di Kapel Stigmata Sto Fransiskus, para penziarah memohon rahmat dan belas kasihan Tuhan untuk semua orang yang menderita di dunia hari ini. CNA

Perayaan Keajaiban tarik 650,000 ke Argentina

SALTA, Argentina: Lebih 650,000 penziarah berhimpun pada hujung minggu lalu di bandar Salta, untuk meraikan Perayaan Salib Keajaiban dan Perawan Keajaiban.

Uskup Agung Buenos Aires, Jorge García Cuerva, memimpin Misa Kudus dan memulakan homilinya dengan berkata, “Kata-kata ... tidak pernah cukup untuk mengungkapkan apa yang meluap-luap di jiwa.”

Uskup Agung Jorge merujuk kepada kemeriahan dan kerohanian

Pesta Keajaiban di mana Salib Keajaiban dan Ikon Perawan Maria, dibawa berarak selama empat hari.

“Dengan memandang Salib Keajaiban, kita mendapat kekuatan untuk meneruskan kehidupan, menyadari bahawa kita semua adalah orang-orang yang lemah, dengan menyadari bahawa tiada siapa yang boleh hidup sendirian, dengan menyadari apa yang kita perlukan dan berita gembiranya ialah, kita mempunyai Tuhan yang pe-

nuh dengan Keajaiban!” katanya.

Asal-usul perayaan ini bermula pada tahun 1582, tahun penubuhan Salta, ketika Fray Francisco de Victoria, yang menjalankan misi pastoralnya di Amerika, berjanji bahawa apabila kembali ke Eropah, beliau akan menghantar ikon Kristus kepada gereja besar di pekan. Ikon itu tiba sepuluh tahun kemudian.

Pada tahun 1692, beberapa siri gempa bumi di Argentina turut menjebarkan Salta, menyebabkan

penduduk ketakutan dan berlindung di *shrine* yang musnah.

Seorang paderi Yesuit, Fr Jose Carrion, mengambil Salib Yesus dan membawanya berarak ke jalan dan diikuti ramai orang, sehingga gempa bumi berhenti.

Selain Salib Keajaiban, Ikon Perawan Keajaiban yang berusia 300 tahun, juga merupakan ikon popular di Argentina dan pada hari perayaannya, umat datang beramai-ramai bagi memperbaharui iman mereka. CNA



Kongres Ekaristi Ecuador hasilkan cadangan-cadangan profetik

QUITO, Ecuador: Dua hari pertama Kongres Ekaristi Antarabangsa ke-53 di Quito, Ecuador, telah membincangkan isu-isu yang dihadapi ramai orang di dunia dan memberikan cadangan profetik bagi mengatasi masa krisis itu.

Para pembicara pada acara September 8-15 itu datang dari pelbagai negara, berbahagi pandangan mereka tentang realiti sukar yang dialami jutaan orang masa kini, bermula dari mangsa peperangan yang tidak bersalah di Ukraine sehinggalah kepada isu keluarga imigran yang melakukan perjalanan berbahaya dari Amerika Selatan ke Amerika Syarikat.

Semasa menyampaikan sesinya, Rodrigo Guerra, setiausaha Komisi Kepausan untuk Amerika Latin, menyatakan sebahagian besar “luka dunia” pada masa ini yang dapat disembuhkan melalui persaudaraan yang diberikan oleh rahmat Ekaristi.

Rodrigo menyebutkan ketidaksetaraan dan jurang sosial yang semakin lebar di antara kaya dan miskin, sesuatu yang sangat membimbangkan di Amerika Latin.

Beliau juga menyentuh kurangnya kepedulian terhadap Bumi dan risiko akibat mengabaikan ekologi.

Uskup Pembantu Hryhoriy



Komar dari Eparki Katolik Sambir-Drohobych, sebuah kota berhampiran sempadan Poland menyampaikan rasa duka dan trauma yang dialami oleh rakyat Ukraine akibat diceroboh oleh Rusia.

“Kini ada enam juta pelarian Ukraine di dunia. Banyak kota telah lenyap ramai orang terkubur di bawah reruntuhan,” katanya.

Pembentangan tentang suara kenabian yang suarakan pada September 10.

Seorang Uskup Amerika Latin menampilkan beberapa tokoh yang membantu perkembangan Gereja Katolik di rantau itu.

Fr Juan Carlos Garzón, setiausaha agung IEC, berkata bahawa “kongres Ekaristi mengingatkan kita bahawa pada masa yang paling sukar, Tuhan menghantar “nabi-nabi” zaman ini.”

“Kita ingin menemui luka dunia dan kemudian melihat bagaimana Kristus datang untuk menebus kita,” jelas Fr Garzón. CNA

Gereja harus selalu “bersama ruang” dengan orang sakit jiwa

MUMBAI, India: “Gereja perlu selalu menyokong orang-orang yang berada dalam situasi yang sangat rapuh,” kata Sr Idilia Carneiro, pemimpin umum Kongregasi *Sisters Hospitallers* (Pelayan Rumah Sakit).

Ketika ini, bilangan Orang Dengan Gangguan Jiwa (ODGJ) secara global terus meningkat.

Sr Idilia menegaskan umat Katolik mempunyai kewajiban untuk memperluas pelayanan mereka dalam mengatasi krisis penyakit jiwa.

Organisasi Kesihatan Dunia (WHO) menganggarkan hampir satu milion ODGJ di seluruh dunia.

Sr Idilia, seorang pakar etika dan sumber daya manusia, mengaitkan krisis penyakit jiwa secara global akibat perpecahan hidup atau kurangnya penglibatan hidup dalam komuniti serta hilangnya nilai-nilai yang pernah menyatukan semua orang.

Gereja, katanya, secara khusus

harus bersiap sedia untuk mengatasi masalah ini, kerana “penyakit jiwa sangat terkait dengan kesihatan jantung.”

“Ketika ada masalah gangguan jiwa, bukan hanya fikiran yang sakit, tetapi seluruh keberadaan, seluruh rasa hidup,” ujarnya.

“Bagi Gereja dan kita sebagai umat, yang paling penting adalah membantu orang-orang yang mengalami gangguan jika ini untuk kembali menemukan kehidupan dan harapan.”

“Merawat dan menyambut setiap orang, itulah tahap pertama evangelisasi – memanusiakan dengan mengakui martabat mereka,” katanya.

“Menerima dan terbuka merupakan karisma kehidupan kita, mewajibkan kita untuk menyambut semua orang, tidak mengira agama dan status mereka,” tegas Sr Idilia. ucanews.com



AUDIENSI HARI RABU BERSAMA SRI PAUS FRANSISKUS

Gereja di luar Eropah, lebih BESAR DAN HIDUP!

VATIKAN: Gereja di luar benua Eropah, lebih besar dan hidup! kata Sri Paus Fransiskus yang baru menyelesaikan perjalanan apostoliknya selama 12 hari ke tiga buah negara di Asia dan sebuah negara di Oceania.

Bapa Suci bersyukur kepada Tuhan kerana beliau berpeluang “menemui komuniti-komuniti Kristian yang besar dan sangat bersemangat.”

Indonesia

Sri Paus Fransiskus menyatakan bahawa penganut Kristian di Indonesia hanya 10 peratus dan Katolik tiga peratus dari populasi penduduk.

“Tetapi apa yang saya temui di sana ialah Gereja yang meriah, dinamik, mampu menghidupkan dan menyebarkan Injil, mempunyai budaya mulia yang cenderung untuk mengharmonikan perbezaan, dan pada masa yang sama mempunyai kehadiran Muslim terbesar di dunia.”

Sri Paus Fransiskus juga menyaksikan terowong yang menghubungkan Katedral Jakarta dengan Masjid terbesar di Asia, “Dan saya melihat, semangat persaudaraan pada masa depan!”

Papua New Guinea (PNG)

Papua New Guinea, menurut Bapa Suci melambangkan “keindahan karya-karya misionari dan katekis yang mengagumkan!”

“Saya sangat gembira dengan para misionari dan katekis di PNG, saya tersentuh mendengar lagu-lagu dan muzik dari kaum muda PNG: melalui mereka, saya



Pertemuan Sri Paus Fransiskus dengan Imam Besar Masjid Istiqlal, Jakarta, pada Sept 5, 2024.

melihat masa depan tanpa keganasan antara puak, tanpa kolonisasi ekonomi dan ideologi serta penjagaan alam yang indah.”

Timor-Leste

Timor-Leste, sebuah negara terpencil tetapi mempunyai populasi penganut Katolik paling ramai di Asia.

“Saya sangat terpesona dengan kecantikan orang-orang Timor-Leste, mereka diuji tetapi bahagia, mereka adalah orang-orang yang menderita tetapi bijak. Mereka bukan setakat melahirkan ramai anak tetapi mengajar anak-anak mereka untuk tersenyum.”

“Dan saya tidak akan pernah melupakan senyuman anak-anak itu,” ujar Bapa Suci.

Singapura

Singapura ialah hab ekonomi yang sangat moden. Meskipun penganut Kristian adalah minoriti di Singapura, tetapi Sri Paus memuji komitmen mereka yang mempromosi keharmonian serta persaudaraan dalam kalangan pelbagai etnik dan agama di Singapura.

“Meskipun Singapura sebuah negara kaya tetapi masih ramai umat Katoliknya yang setia kepada Injil, menjadi garam dan terang dunia.” **Media Vatikan**

PENULIS JEMPUTAN BERKICAU

Tidakkah dia berasa letih?

Perjalanan apostolik paling lama Sri Paus Fransiskus ialah pada September 2-13 lalu ke tiga buah negara Asia dan Oceania. Ada beberapa peristiwa dalam perjalanan itu yang pasti akan kekal segar dalam minda dan hati.

Pertama ialah “terowong persaudaraan” yang diberkati Sri Paus bersama Imam Besar Jakarta. Pada ketika terowong dikaitkan dengan imej perang, keganasan dan kematian, laluan bawah tanah yang menghubungkan masjid terbesar Indonesia ke katedral Katolik itu adalah tanda dan benih harapan keharmonian.

Gerak persahabatan dan kasih sayang antara Uskup Roma dan Imam Besar menyentuh ramai orang di negara paling ramai penduduk Islam di dunia itu.

Kedua: Sri Paus Fransiskus menaiki Tentera Udara Australia C-130 ke Vanimo, di barat laut Papua New Guinea (PNG), untuk melawat tiga orang misionari Argentina dan rakyat PNG, turut membawa satu tan bantuan dan hadiah.

Fransiskus, yang semasa muda berimpian menjadi seorang misionari ke Jepun, telah lama ingin melakukan lawatan ke pinggir paling terpencil di dunia.

Ketiga ialah Presiden José Manuel Ramos-Horta, semasa berucap di istana presiden di Dili, Timor-Leste, membongkok untuk membantu Sri Paus meletakkan kakinya pada pedal kerusi roda!

Keempat, pelukan Sri Paus yang mengharukan terhadap kanak-kanak kurang upaya di sekolah Irmãs Alma, Timor Leste.

Bapa Suci mengingatkan kita bahawa kanak-kanak kurang upaya itu mengajar kita untuk dijaga oleh orang lain dan membenarkan diri kita dipelihara oleh Tuhan.

Kelima, 600,000 ribu orang Timor-Leste yang menunggu Sri Paus selama berjam-jam di bawah terik matahari di dataran Taci Tolu. Bapa Suci amat terharu dengan sambutan dan kemesraan di negara yang, selepas kemerdekaan, mengalami perkembangan ekonomi yang perlahan namun perlahan-lahan membina masa depannya.

Enam puluh lima peratus daripada penduduk Timor Leste berumur di bawah 30 tahun, dan jalan-jalan yang dilalui oleh *popemobile* dipenuhi dengan lelaki dan wanita muda dengan anak-anak mereka yang sangat kecil. Pengalaman ini adalah tanda harapan untuk Gereja, harapan untuk dunia.

Keenam, dengan latar keindahan Singapura, negara pulau dengan bangunan pencakar langit ultra-modern yang menjulang tinggi. Ia negara maju dan kaya. Mustahil untuk tidak memikirkan betapa kemodenan Singapura amat kontras dengan jalanan berdebu di Dili, yang hanya beberapa jam ditinggalkan oleh Bapa Suci sebelum itu.

Malah di sini, di mana kekayaan terserlah di setiap sudut, di mana kehidupan teratur dan pengangkutan yang sangat pantas, Sri Paus Fransiskus memeluk semua orang dan menunjukkan jalan cinta, keharmonian, dan persaudaraan.

Akhirnya, memori yang pasti abadi ialah imej Sri Paus Fransiskus sendiri. Ada yang meragui sama ada prelatus boleh bertahan dalam tekanan perjalanan yang begitu panjang, di negara beriklim tropika.

Ya, memang Bapa Suci berasa letih, hari demi hari berjalan beratus kilometer, berpindah dan bertukar penerbangan.

Tetapi, Bapa Suci mendapat tenaga, rasa letihnya hilang apabila beliau bertemu dengan orang muda dari pelbagai negara, melihat senyuman kanak-kanak, warga emas, para misionari dan katekis – semua ini menyegarkan semangat dan tubuh Sri Paus Fransiskus.

Sepanjang lawatan apostolik itu, Sri Paus Fransiskus menjadi muda di kalangan golongan muda, walaupun menghampiri hari jadinya yang ke-88, yang akan diraiikannya pada malam Jubli 2025. **Andrea Tornielli, Media Vatikan (terjemahan)**

Pergelutan yang mendewasakan kita

Bukan hidup namanya tanpa kesukaran dan cabaran. Ibarat kata orang, tidak lengkap makan nasi lemak tanpa sambal dan ikan bilis goreng!

Mungkin sebab mengapa kita menghadapi percubaan dan masalah disebabkan oleh berikut:

Menguatkan iman kita

Cabaran memang boleh menguji iman kita tetapi ia juga membolehkan iman berkembang. Apabila menghadapi masalah getir, kita digalakkan untuk bergantung kepada Tuhan berbanding masa biasa.

Seperti tubuh kita, apabila tubuh kita dibiasakan dengan mengangkat benda berat, tubuh kita akan menyesuaikan diri dan otot kita semakin kuat.

Setiap perjuangan adalah peluang untuk membina kekuatan rohani, belajar untuk mempercayai sepenuhnya dan bergantung kepada Tuhan.

Membina keperibadian

Kesusahan benar-benar mengubah dan membina keperibadian kita kerana hasil kesusahan itu, kita belajar tentang ketabahan, kerendahan hati, dan kesabaran.

Keadaan ini boleh menyedarkan kita untuk bersabar dan tegar walaupun keadaan tidak memihak kepada kita. Cabaran juga membantu kita mengembangkan pemahaman tentang perasaan orang lain.

Maka, keperibadian kita terbentuk has-



il cabaran yang kita lalui dan akan menjadikan kita insan yang lebih baik pada masa hadapan.

Mengajar kita pelajaran penting

Pergelutan hidup mendorong kita untuk mencari Tuhan dengan lebih bersungguh-sungguh.

Apabila kehidupan menjadi sukar, kita mungkin mendapati diri kita lebih banyak berdoa dan membaca Alkitab.

Masa yang sukar boleh membawa kita lebih dekat kepada Tuhan semasa kita bersandar kepada-Nya untuk mendapatkan sokongan. Walau bagaimanapun, penting untuk mengingati bahawa kita

tidak seharusnya hanya mencari Dia pada masa susah.

Biasakan diri untuk berhubung dengan-Nya, sama ada ketika hidup kita berjalan lancar atau tidak, untuk membina hubungan lebih kuat dan konsisten dengan-Nya.

Panggilan untuk “bangun”

Kesusahan boleh melemahkan atau menguatkan kita. Ia juga merupakan panggilan untuk bangun, melihat kekuatan kita dalam menghadapi cabaran.

Masa sukar mengingatkan kita bahawa Tuhan sedia membantu dan membimbing kita untuk keluar dari masalah itu. Pergelutan “menolak” kita ke arah Tuhan dan berandal kepadanya.

Harapan menyuluh jalan yang gelap

Pergelutan dan masalah dalam kehidupan mendorong kita untuk terus bangkit dan pergi. Peristiwa-peristiwa pahit ini mengajar kita agar jangan mudah mengaku kalah, terus berjalan meskipun kita berasa beberapa kali mahu mengalah.

Getir kehidupan mengajar kita untuk membina kekuatan dan matang, lebih berpengalaman dalam menghadapi cabaran masa depan. Setiap kali menghadapi situasi sukar, kita sudah biasa menghadapinya dan tahu kepada siapa kita harus pergi apabila jalan di hadapan kelihatan gelap! **Aleteia**



SYD-6: Sekarang waktunya untuk bangkit dan pergi seperti Maria



Liza Magnus

KENINGAU: “20 tahun yang lalu, *Sabah Youth Day* pernah diadakan di tempat ini tetapi suasananya tidak seperti ini. Sekarang, syukur kepada Tuhan, bukan sahaja jumlah peserta yang berganda tetapi juga infrastruktur dan bangunan juga bertambah seiring dengan perkembangan iman,” ujar Uskup Cornelius Piong semasa memimpin Misa Kudus pembukaan *Sabah Youth Day* kali keenam (SYD-6) pada September 17 yang lalu.

Lebih 3,200 kaum muda Katolik dari tiga Keuskupan/Agung di Sabah menghadiri SYD-6 yang berlangsung pada September 16-20 dengan tema “Maria bangkit dan bergegas

pergi” (Lukas 1:39).

Mengulas tema SYD-6, Uskup Cornelius yang juga seorang pendoa setia Bonda Maria mengajukan soalan kepada para peserta SYD-6, “Untuk apa Maria bangkit dan pergi?”

Prelatus itu menjelaskan, Maria dapat bangkit dan pergi kerana Roh Kudus ada padanya. Biar pun dia agak terkejut semasa malaikat Gabriel datang kepadanya untukewartakan Khabar Gembira, namun dengan kuasa Roh Kudus, Maria dikuatkan menerima peranannya sebagai Bonda Tuhan dan kerana rahmat Roh Kudus, Maria “bangkit dan pergi” melawat saudarinya Elisabet, yang hamil tua.

Malah dengan rahmat Roh Kudus, Bonda Maria bangkit dan bergegas, ke pergunungan

untuk melawat saudarinya Elisabet.

Uskup Cornelius juga mengungkapkan tiga bukti bahawa Bonda Maria amat peka dengan keperluan semua Katolik iaitu:

1. Jika Bonda Maria peka terhadap keperluan saudarinya Elisabet maka dia juga peka kepada keperluan semua orang khususnya kaum muda.
2. Bonda Maria peka terhadap keperluan keluarga. Ini jelas semasa peristiwa perkahwinan di Kana, di mana keluarga pengantin kehabisan wain dan Maria meminta Yesus agar membantu keluarga tersebut. **Ke-habisan wain melambangkan sukacita.** Keluarga pada masa sekarang selalu kehilangan sukacita maka mohonlah kepada Bonda

Maria untuk keharmonian dan damai dalam keluarga.

3. Sebagai pengikut Kristus kita adalah umat yang bersifat komuniti. Kristian perdana, (Kisah Para Rasul 1:14), mereka berkumpul dan menanti Roh Kudus bersama Bonda Maria. Oleh itu jika kelompok KKD atau belia menghadapi masalah, panjatkanlah doa kepada Bonda Maria.

Sepanjang acara SYD-6, para peserta tinggal bersama keluarga angkat. Selain katekesis dan Misa Kudus, para peserta juga menjalani beberapa aktiviti fizikal seperti Jalan Salib SYD-6, *Friendship & Accompaniment*, *Mission Walk*, *Missionary In Action* dan *Magnificat Fiesta*.

Bonda Maria Gunung Kinabalu



KENINGAU: Uskup Cornelius mencadangkan memberi gelaran kepada Bonda Tuhan dengan gelaran Bonda Maria Gunung Kinabalu.

Sempena SYD-6 di Keuskupan Keningau, Uskup Cornelius memberi cadangan memberi gelaran kepada Bonda Maria: Bonda Maria Gunung Kinabalu atau *Our Lady of Mount Kinabalu*.

“Mengapa tidak memberi gelaran Bonda Maria dengan menggunakan ikon negeri Sabah? Kita mempunyai banyak simbol tempatan yang terkenal sehingga di peringkat antarabangsa, mengapa tidak menggunakannya dalam devosi kepada Bonda Maria?” kata Uskup Cornelius Piong semasa menyampaikan ucapan pada akhir Misa Kudus pembukaan *Sabah Youth Day-6* (SYD-6) pada September 17 lalu.

“Setiap kali melihat dan melintasi Gunung Kinabalu, ingatlah akan Bonda Maria dan kesetiannya terhadap Tuhan,” kata Uskup Cornelius.

Selepas memberi cadangan tersebut, Uskup

Cornelius mengajak semua peserta SYD-6 untuk memberi penghormatan kepada Bonda Maria dengan menyanyikan lagu “*Maria Tina Za*” (Maria Bonda Kita), lagu ciptaan prelatus itu yang juga menjadi lagu liturgi di Sabah.

Fr David Gasikol dari Keuskupan Keningau menyatakan bahawa Gunung Kinabalu, gunung tertinggi di Asia Tenggara, sentiasa menjadi ikon yang melambangkan keagungan ciptaan Tuhan di bumi Sabah malah setiap tahun, menarik ribuan pelancong dari dalam dan luar negara untuk menakluki serta melihat gunung itu.

Mengenai cadangan Uskup Cornelius tentang memberi gelaran Bonda Maria Gunung Kinabalu, Fr David mengatakan, “Dengan melihat Gunung Kinabalu melalui mata iman, kita menyedari betapa besar pelajaran iman yang boleh kita ambil dari kehidupan Bonda Maria.”

“Khususnya bagi para belia, Bonda Maria sentiasa menjadi pencetus inspirasi bagi kaum muda untuk bangkit, menjadi saksi, garam dan terang dunia.” **Didiroy Jonch**

Pelancaran PROTEC 5 di Katedral St John

KUALA LUMPUR: Katedral St John menjadi tuan rumah pelancaran kempen PROTEC 5 (Lindungi Bumi Kita, Lindungi Anak-Anak Kita), yang juga jatuh pada Hari Doa Sedunia untuk Penjagaan Penciptaan.

Tema PROTEC 5 tahun ini ialah “Kurangkan Penggunaan kertas dan Kayu”, sebuah seruan mendesak menjaga bumi kita.

Perayaan Ekaristi pada September 1 itu dipimpin oleh Uskup Agung Julian Leow dan dibantu oleh Uskup Joseph Hii, Presiden Komisi Episkopal untuk Keadilan Penciptaan Malaysia, Singapura, dan Brunei (ECCJ – MSB), bersama enam orang paderi.

Dalam homilinya, Uskup Agung Julian memberi peringatan tentang akses tidak terkawal media sosial dalam kalangan kanak-kanak. “Kita mengunci pintu untuk rumah kita untuk menghalang orang yang tidak dikenali masuk ke rumah kita tetapi membiarkan orang asing masuk ke dalam hidup mereka melalui media sosial,” katanya.

PROTEC 5 dimulakan dengan Adorasi Sakramen Mahakudus dan doa rosari yang didedikasikan untuk semua Penciptaan.

Semasa perarakan masuk, perwakilan dari ECCJ – MSB membawa sepanjang yang mewakili sebelas keuskupan/agung, melambangkan perpaduan dan

misi bersama di rantau ini.

September 1 juga menandakan permulaan Musim Penciptaan, dirayakan hingga Oktober 4, bertema, “Harapan dan Bertindak dengan Penciptaan” (Roma 8:19-25).

Hadirin digalakkan untuk mengambil langkah praktikal ke arah kemampanan, seperti menggunakan kertas tisu dengan berhati-hati, memilih sapu tangan, menjimatkan air, menggunakan bekas boleh guna semula, dan mengelakkan penggunaan beg plastik dan kutleri plastik.

Menjelang pelancaran PROTEC 5, ECCJ – MSB terlebih dahulu mengadakan persidangan mereka pada Ogos 29 hingga 31 di Institut Pastoral Keuskupan Agung.

Persidangan itu memberi tumpuan kepada daya tahan dan biodiversiti, menangani isu utama dan perancangan untuk tahun akan datang.

Selain itu, Komisi Keadilan Penciptaan Keuskupan Agung KL juga telah menganjurkan aktiviti menanam bakau buat kali ketiga pada Hari Kebangsaan lalu di Taman Alam Kuala Selangor.

Acara itu menyaksikan penyertaan daripada delegasi ECCJ-MSB dan 85 sukarelawan, termasuk seorang uskup, lima paderi dan seorang religius, menanam 300 pokok bakau dan menyediakan beg anak pokok, sebagai komitmen mereka untuk menjaga alam.